



STRATEGI PENINGKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SEKOLAH AGAMA RAKYAT DALAM MENGEKALKAN IDENTITI KURIKULUM UTAMA: KAJIAN DI KEDAH DAN KELANTAN

Teaching and Learning Enhancement Strategy of Sekolah Agama Rakyat in Maintaining the Main Curriculum Identity: A Study in Kedah And Kelantan

¹NORAZILAH BUHARI

²NOR AZLILI HASSAN

³NIK NORAZIRA ABD AZIZ

⁴MOHD SYUJA SAEDIN

^{1,2,3 & 4}Fakulti Kreatif Industri, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR),
43000 Bandar Sungai Long, Kajang, Selangor

*Corresponding author : norazilah@utar.edu.my

Dihantar/Received: 31 July 2025 | Penambahbaikan/Revised: 4 September 2025

Diterima/Accepted: 30 October 2025 | Terbit/Published: 30 June 2026

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v37i1.6631>

Abstrak Sekolah Agama Rakyat (SAR) terkenal dengan kaedah pembelajaran berpusatkan guru atau juga dikenali sistem ‘talaqqi’ iaitu, bersemuka dengan guru dalam penyampaian dan pengamalan ilmu. Peranan sistem ‘talaqqi’ ini bukan sekadar menjadikan guru sebagai penyampai ilmu, bahkan sebagai pembimbing sahiah pelajar. Namun begitu, kaedah pembelajaran berpusatkan guru atau ‘talaqqi’ mengalami cabaran apabila dunia pendidikan telah beralih kepada penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). PdP merupakan wahana yang penting dalam pembangunan pendidikan yang berperanan dalam penyaluran, pemahaman dan pengamalan ilmu yang melibatkan guru dan pelajar. Kaedah PdP ini didapati lebih memudahkan dan meningkatkan kualiti pendidikan pelajar. Seiring dengan kemajuan teknologi pendidikan, pihak SAR dilihat bersifat terbuka dan kompeten dalam pembangunan pendidikan mereka dengan membuat modifikasi terhadap PdP. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis PdP yang sesuai bagi SAR di Kedah dan Kelantan bagi meningkatkan mutu pendidikan tanpa mengkompromi identiti kurikulumnya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan tematik yang mana ianya melibatkan temu bual dengan enam orang informan daripada dua kumpulan sasaran. Pemilihan informan adalah penting bagi memastikan hasil dapatan memenuhi objektif kajian untuk menjelaskan strategi peningkatan pengajaran dan pembelajaran SAR di Kedah dan Kelantan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun SAR menghadapi pelbagai cabaran dalam kaedah PdP, namun SAR di Kedah dan Kelantan telah berusaha dengan mengambil beberapa strategi untuk meningkatkan PdP di sekolah mereka termasuklah pengintegrasian teknologi dalam PdP, penambahbaikan kandungan kurikulum SAR dan peningkatan pedagogi dan pembangunan profesional guru. Justeru, kajian ini menyumbang kepada penambahbaikan strategi pengajaran serta pembelajaran yang lebih berkesan dan kontekstual selain menambahkan literatur kajian lanjutan berkaitan SAR dalam usaha mengekalkan identiti kurikulum utama mereka.

Kata kunci: Pengajaran dan pembelajaran, Sekolah Agama Rakyat, Identiti Kurikulum Utama



Abstract Sekolah Agama Rakyat (SAR) is famous for its teacher-centered learning method, also known as the ‘talaqqi system’, which is face-to-face with the teacher in the delivery and practice of knowledge. The role of this ‘talaqqi’ system is not only to consider teachers as knowledge transmitters, but also as guidance for students’ self-development. However, the teacher-centered learning method, or ‘talaqqi’, faced challenges as the world of education shifted toward the use of technology in teaching and learning. This modern method is found to be more convenient and enhances the quality of students’ education. With the advancement of educational technology, SAR is seen as open and competent in its educational development, as evidenced by changes in its teaching and learning methods. This study aims to analyse the relevant teaching and learning approaches for SAR in Kedah and Kelantan to enhance the quality of education without compromising their curriculum identity. This study uses a qualitative and thematic approach, which involves interviews with six informants from two target groups. The selection of informants is important to ensure that the findings meet the study’s objectives to explain the strategies for enhancing teaching and learning of SAR in Kedah and Kelantan. The findings underscore that, notwithstanding the multifaceted challenges encountered by Sekolah Agama Rakyat (SAR) in implementing teaching and learning methods, SAR in Kedah and Kelantan have adopted targeted strategies to strengthen their educational delivery, including the integration of digital technologies into pedagogical processes, the systematic enrichment of SAR curriculum content, and the advancement of pedagogical approaches coupled with sustained professional development for teachers. Accordingly, this study offers significant implications for the refinement of teaching and learning strategies that are not only more effective but also contextually responsive. Moreover, it contributes to the broader scholarly discourse by extending the literature on SAR, particularly in relation to their ongoing endeavor to safeguard the distinctive identity of their core curriculum.

Keywords: Teaching and learning, Sekolah Agama Rakyat, Main curriculum identity

PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia telah melalui transformasi yang ketara sejak zaman pra-merdeka hingga ke era globalisasi. Sejak kemerdekaan, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar dan inisiatif bagi memperkukuh sistem pendidikan negara, termasuk Dasar Pendidikan Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025. Pelaksanaan dasar-dasar ini bertujuan untuk membentuk sistem pendidikan yang inklusif, holistik dan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan masyarakat yang pelbagai serta mempersiapkan generasi muda menghadapi cabaran dunia yang semakin kompetitif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024).

Dalam konteks pendidikan, strategi peningkatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) merujuk kepada pendekatan yang dirancang dan dilaksanakan secara sistematik untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran guru dan pembelajaran murid, meliputi aspek perancangan, pelaksanaan, penilaian serta penambahbaikan berterusan terhadap amalan PdP (Fullan, 2016; Slavin, 2018). Strategi ini merangkumi penggunaan kaedah pedagogi yang bersesuaian, pemilihan bahan pengajaran yang relevan, pengintegrasian teknologi, serta penyesuaian amalan PdP dengan konteks dan keperluan murid. Kurikulum bukan sahaja menjadi kandungan utama yang diajar, malah berfungsi sebagai komponen teras dalam strategi peningkatan PdP, kerana kurikulum menentukan objektif pembelajaran, kandungan, kaedah pengajaran dan bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah (Ornstein & Hunkins, 2018). Selari dengan itu, pendidikan di Malaysia tidak hanya berfungsi untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan, tetapi juga berperanan dalam memupuk nilai murni, akhlak dan kebudayaan yang berteraskan identiti nasional (Zainal Abidin, 2019). Justeru, dasar pendidikan negara telah menggariskan hala tuju yang jelas melalui pengintegrasian elemen agama, moral



dan akademik sebagai asas pembentukan insan yang seimbang dan berintegriti. Pendekatan ini amat signifikan dalam konteks Sekolah Agama Rakyat (SAR), yang berperanan mengekalkan kurikulum utama yang berteraskan pendidikan Islam sambil menyesuaikan strategi PdP agar selari dengan keperluan semasa dan dasar pendidikan nasional.

Pengintegrasian dalam dasar pendidikan negara berlaku di dalam sekolah arus perdana dan sekolah bukan arus perdana. Ini termasuklah Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang memainkan peranan penting terutamanya dalam pengembangan pendidikan Islam di Malaysia. Corak pendidikan SAR yang bermula dari tradisi pengajian sekolah pondok telah wujud di Malaysia termasuk di Kedah dan Kelantan sejak abad ke-12 (Siti Fathihah, 2024). Pendidikan di sekolah pondok menekankan pengajian al-Quran, Hadis, serta pelbagai disiplin ilmu agama lainnya, yang membentuk asas pemikiran dan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar. Kewujudan SAR tidak hanya berfungsi sebagai pusat pengajaran agama, tetapi turut menjadi wadah mempertahankan identiti, budaya dan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat tempatan (Ismail & Arifin, 2020). SAR bukan sahaja menawarkan pendidikan formal tetapi juga mengaitkan pembelajaran dengan nilai-nilai murni Islam yang kuat. Menurut Mohd Nor (2020), SAR berfungsi sebagai salah sebuah institusi pendidikan yang melengkapi sistem pendidikan kebangsaan dengan menekankan pengajaran ilmu agama, akhlak, dan budaya Melayu. Di samping itu, SAR juga berperanan dalam pengembangan identiti Islam dalam kalangan pelajar, sehingga menjadikannya sebagai platform yang penting dalam pembentukan generasi muda yang beriman dan berilmu. Walau bagaimanapun, SAR sering kali berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk isu pengiktirafan dan sokongan daripada pihak berkuasa, yang boleh mempengaruhi keberkesanan dan kualiti pengajaran di institusi ini.

Menurut Mohd Zain (2018), penubuhan SAR bertujuan untuk menyediakan platform yang lebih sistematik bagi pelajar untuk mengakses pendidikan agama yang berkualiti, di samping memastikan mereka tidak ketinggalan dalam aspek akademik. Kurikulum SAR umumnya berfokus kepada pengajaran al-Quran, Hadis, Fiqh, Akidah, Sirah, dan bahasa Arab, serta turut menerapkan nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian. Kurikulum SAR lazimnya tidak tertakluk sepenuhnya kepada kurikulum kebangsaan, sebaliknya dirancang berdasarkan keperluan komuniti setempat dan tradisi pendidikan Islam (Yusoff, 2016). Dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), SAR menggunakan pendekatan tradisional seperti *talaqqi*, hafazan dan syarahan, serta mula mengadaptasi teknologi serta pendekatan pengajaran moden bagi menarik minat generasi muda.

SAR menjadi relevan dalam konteks masyarakat Malaysia yang pelbagai, di mana ia memberikan peluang kepada pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik tanpa mengabaikan nilai-nilai moral dan agama. Kajian oleh Ismail (2020) menunjukkan bahawa pelajar yang menuntut di SAR cenderung untuk mempunyai pencapaian akademik yang baik, di samping mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab sosial dan moral mereka. Dengan kurikulum yang merangkumi subjek akademik seperti Matematik, Sains, dan bahasa, serta subjek agama, SAR berusaha melahirkan individu yang bukan sahaja pintar secara intelektual tetapi juga berakhlak mulia. Selain itu, SAR juga berfungsi sebagai tempat di mana pelajar dapat membina karakter dan identiti mereka. Melalui pengajaran nilai-nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab, dan kasih sayang, SAR membantu membimbing pelajar dalam kehidupan seharian. Pendidikan yang holistik ini menjadikan pelajar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran kehidupan, serta berperanan aktif dalam masyarakat. Dalam hal ini, SAR tidak hanya memberi tumpuan kepada pencapaian akademik, tetapi juga kepada pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar sebagai individu yang berdaya saing dan beretika.



Walau bagaimanapun, SAR di negeri Kedah dan Kelantan didapati menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha meningkatkan mutu PdP tanpa mengorbankan identiti kurikulum utama mereka. Antara cabaran yang dinyatakan oleh Mohamad (2021) ialah kekangan sumber kewangan, kekurangan tenaga pengajar yang terlatih, infrastruktur yang kurang memuaskan serta kekurangan kemudahan teknologi dalam PdP. Kebanyakan guru di SAR terdiri daripada lepasan institusi pengajian agama tradisional atau pondok, yang mana mungkin mempunyai penguasaan ilmu agama yang tinggi tetapi kurang terdedah kepada pendekatan pedagogi terkini atau strategi pengajaran yang berkesan dalam abad ke-21 (Rahman & Ismail, 2019). Tanpa latihan berterusan dalam bidang pedagogi, psikologi pendidikan, teknologi pendidikan dan penilaian berasaskan hasil, kualiti pengajaran yang diberikan mungkin terhad kepada kaedah tradisional seperti syarahan dan hafazan, yang kurang mesra pelajar zaman kini (Yusoff, 2016).

Di era digital ini, penggunaan teknologi dalam pendidikan bukan lagi pilihan tetapi satu keperluan. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam bilik darjah bukan sahaja berperanan sebagai alat sokongan pembelajaran, malah mampu mengubah pendekatan pedagogi daripada kaedah konvensional kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (Yuen et al., 2003). Ini sejajar dengan dapatan pelbagai kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan TMK boleh meningkatkan minat, penglibatan aktif, dan kefahaman pelajar terhadap isi kandungan yang disampaikan (Al-Zaidiyeen et al., 2010). Dalam konteks SAR, penggunaan TMK juga berpotensi untuk mengharmonikan kandungan kurikulum tradisional dengan pendekatan moden, tanpa menjejaskan identiti kurikulum utama yang menjadi asas pendidikan Islam di institusi ini. Ini penting bagi memastikan SAR kekal relevan dan kompetitif dalam arus pendidikan semasa yang semakin berteraskan teknologi. Namun, pelaksanaan penggunaan TMK dalam SAR masih berdepan cabaran seperti kekangan infrastruktur, kemahiran guru yang terhad, serta kekurangan sokongan teknikal dan kewangan (Siraj, Alias & DeWitt, 2013). Kebanyakan SAR di Kedah dan Kelantan beroperasi dengan kemudahan asas yang minimum seperti kekurangan komputer, peranti mudah alih, internet berkelajuan tinggi dan infrastruktur sokongan TMK (Mohamad, 2021). Cabaran lain seperti usaha penyeragaman kurikulum antara SAR dan sistem pendidikan arus perdana juga menjadi isu kerana timbulnya kebimbangan terhadap penghakisan identiti kurikulum asal SAR (Rahman & Ismail, 2019).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis PdP yang sesuai bagi SAR di Kedah dan Kelantan bagi meningkatkan mutu pendidikan tanpa mengkompromi identiti kurikulumnya. Strategi ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan pendidikan agama yang lebih lestari dan berkualiti tinggi dalam sistem pendidikan di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Sekolah Agama Rakyat (SAR) merupakan institusi pendidikan Islam yang berperanan penting dalam mengekalkan tradisi keilmuan *Turath* dan membentuk sahsiah pelajar berlandaskan nilai agama. Walaupun tidak berada di bawah kawalan penuh Kementerian Pendidikan Malaysia, SAR tetap memainkan peranan signifikan dalam menyediakan pendidikan alternatif yang menekankan keseimbangan antara ilmu agama dan pembangunan insan. Dalam konteks Kedah dan Kelantan, SAR terus mendapat sokongan masyarakat kerana dianggap sebagai benteng utama dalam mengekalkan identiti kurikulum *Diniah*. Namun, cabaran semasa seperti globalisasi, perkembangan teknologi, dan tuntutan pendidikan abad ke-21 menimbulkan persoalan tentang keberkesanan strategi PdP yang diamalkan (Ismail & Abdullah, 2022).



Kajian terkini menunjukkan bahawa SAR berdepan dengan pelbagai kekangan dalam melaksanakan PdP. Antaranya ialah kekurangan sumber dan kemudahan di mana banyak SAR didapati beroperasi dengan dana yang terhad, bergantung kepada sumbangan daripada masyarakat, yang mana ianya boleh menjejaskan penyediaan bahan bantu mengajar yang lebih moden (Ismail & Abdullah, 2022). Kualiti tenaga pengajar dan isu latihan profesional dalam kalangan guru juga sering dibangkitkan, di mana sebahagian guru didapati tidak mendapat akses kepada kursus pedagogi kontemporari (Isa et al., 2021). Walaupun terdapat usaha untuk memperkenalkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), namun kesukaran mengintegrasikan teknologi dan tahap penggunaan TMK didapati masih rendah disebabkan adanya kekangan infrastruktur dan kemahiran digital dalam kalangan guru-guru SAR (Ahmad & Zainal, 2024). Kurikulum Diniah yang menjadi identiti SAR didapati kadangkala dilihat sebagai rigid dan kurang fleksibel untuk menyesuaikan dengan keperluan semasa (Nor Azlili et al., 2025).

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai kepentingan strategi yang boleh meningkatkan keberkesanan PdP di SAR. Antaranya pengintegrasian teknologi pendidikan di mana penggunaan aplikasi pembelajaran, platform e-learning, dan multimedia didapati dapat meningkatkan interaktiviti PdP serta menarik minat pelajar (Ahmad & Zainal, 2024; Rahim & Omar, 2022). Pembangunan profesional dalam kalangan guru-guru SAR juga perlu dijalankan. Latihan yang berterusan, bengkel pedagogi yang serba moden, dan kolaborasi dengan institusi-institusi pendidikan yang lain juga dapat meningkatkan kompetensi guru (Salleh & Hamzah, 2023). Selain itu, pendekatan pedagogi yang inovatif dengan penggunaan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar, pembelajaran kolaboratif, dan pendekatan kontekstual juga dilihat mampu meningkatkan keberkesanan PdP (Yusof & Rahman, 2023). Tambahan pula, identiti kurikulum SAR adalah berasaskan kurikulum *Diniah* yang menekankan penguasaan ilmu *Turath*, akhlak dan nilai Islam. Penambahbaikan kurikulum melalui kajian Nor Azlili et al. (2025) menunjukkan adanya keperluan bagi memperkayakan kandungan kurikulum *Diniah* dengan elemen kontemporari tanpa menjejaskan identiti kurikulum utama yang asal. Kajian yang sama juga menegaskan bahawa kurikulum ini merupakan teras yang membezakan SAR daripada sekolah arus perdana. Namun, terdapat kebimbangan bahawa usaha penambahbaikan PdP boleh menghakiki identity tersebut sekiranya tidak dilaksanakan secara berhati-hati. Justeru, strategi peningkatan PdP perlu dilihat sebagai usaha memperkukuhkan, bukannya menggantikan identity kurikulum utama SAR (Yusof & Rahman, 2023).

Pihak kerajaan juga telah mengambil inisiatif dalam memperkasa sekolah agama dan pondok bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) telah menyediakan bantuan operasi, semakan semula kurikulum pondok dan tahfiz, kursus pengurusan pentadbiran dan kewangan kepada pentadbir sekolah, program transformasi pendigitalan sekolah dan peralatan pembelajaran untuk sekolah agama dan pondok (Warta Kedah, 2024). Kurikulum pondok dan tahfiz telah disemak semula untuk memastikan ia selari dengan kurikulum pendidikan kebangsaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kursus pengurusan pentadbiran dan kewangan telah diadakan untuk pentadbir sekolah bagi meningkatkan kecekapan pengurusan. Program transformasi pendigitalan sekolah juga telah dilaksanakan untuk memperkasakan sekolah agama dengan teknologi moden. Penganjuran Program Inisiatif Latihan dan Transformasi Asatizah (ILHAM) juga telah dijalankan untuk meningkatkan kompetensi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru di SAR Kedah (Nordiana, 2025). Pendekatan pedagogi terkini termasuklah pengenalan kepada konsep *The New Pedagogy for Deep Learning*, penerapan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan dan penggunaan modul *i-Move* telah didedahkan kepada guru-guru SAR.



Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) juga berusaha memastikan kesenimbangan pendidikan agama di Kelantan termasuklah strategi yang diterapkan untuk mengekalkan relevansi pendidikan agama dalam masyarakat (Siti Fathihah, 2024).

Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa SAR memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam, namun menghadapi pelbagai cabaran dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Beberapa strategi boleh diterapkan untuk meningkatkan kualiti pengajaran di SAR, termasuk latihan guru, penggunaan teknologi, dan penambahbaikan kurikulum. Walaupun terdapat kajian tentang strategi PdP di SAR, namun masih kurang penelitian yang mendalam tentang sejauhmana strategi tersebut menyumbang secara langsung kepada pemeliharaan identiti kurikulum utama. Kebanyakan kajian menekankan aspek keberkesanan antara inovasi Pendidikan dan kelestarian tradisi kurikulum *Diniah* (Rahim & Omar, 2022). Justeru, kajian ini, dengan menfokuskan kepada Kedah dan Kelantan, berusaha mengisi jurang tersebut dengan meneliti strategi PdP yang bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pengajaran, tetapi juga mengekalkan identiti kurikulum utama SAR.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan tematik yang melibatkan temu bual dengan enam orang informan daripada dua kumpulan sasaran. Pemilihan informan adalah penting bagi memastikan hasil dapatan memenuhi objektif kajian untuk menjelaskan matlamat pendidikan SAR di Kelantan dan Kedah. Kaedah persampelan bertujuan digunakan bagi memastikan pemilihan jumlah sampel yang tepat bagi menjaga kebolehpercayaan terhadap hasil kajian (Friday & Leah, 2024). Kaedah ini dipilih bagi tujuan mengecilkan kumpulan informan dengan cepat dan berkesan. Kriteria yang ditetapkan bagi pemilihan informan ialah:

- i. Mempunyai latar belakang perguruan.
- ii. Tahap pengajian sekurang-kurangnya peringkat diploma.
- iii. Pengalaman dalam pengelolaan sekolah sekurang-kurangnya 5 tahun.
- iv. Memegang jawatan tinggi dari sudut kedudukan pangkat, kelayakan dan autoriti.

Tiga orang informan daripada Pejabat Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA) Kedah Institut dan tiga daripada Latihan Darul Naim (ILDAN) Kelantan telah dipilih bagi proses temu bual yang dilakukan pada 14 Januari 2024. Kesemua informan pernah menjawat jawatan sebagai guru serta mempunyai pengalaman melebihi lima tahun dalam urusan pentadbiran sekolah dan juga merupakan aktivis sosial dalam bidang pendidikan. Penjelasan data demografik semua informan adalah ditunjukkan di dalam Jadual 1.

Hasil temu bual dianalisa secara tematik dengan mengelaskan data-data tersebut mengikut tema yang telah diperolehi. Proses pembinaan tema dapatan kajian dilakukan dengan meletakkan kod (*coding*) yang dikhususkan untuk sesuatu tema tersebut berserta dengan definisi operasional bagi membantu pengkaji merujuk keterangan tema berpanduan kod yang telah diberikan. Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini melibatkan pengesahan soalan temu bual dan tema yang dibina oleh pakar bidang. Rakaman yang dijalankan dalam sesi temu bual adalah rakaman suara. Para informan dibenarkan untuk membetulkan fakta yang tersilap seterusnya menandatangani teks transkrip. Pembetulan fakta, pengakuan dan pengesahan informan terhadap data temu bual ini menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dapat ditingkatkan.



Jadual1
Data Demografik Informan

Bil.	Informan	Tahap Pengajian Tertinggi	Bidang Pengajian	Pengalaman dalam Pengajaran (Tahun)	Pengalaman dalam Pengelolaan Sekolah (Tahun)
1.	Informan 1	Diploma	Agama	Melebihi 15	11 - 15
2.	Informan 2	Diploma	Pentadbiran Perniagaan	Melebihi 15	11 - 15
3.	Informan 3	Sarjana Muda	Pengajian Islam - Syria	Melebihi 15	Melebihi 15
4.	Informan 4	Sarjana	B. Arab - Al-Azhar P. Islam (Ma) -OUM	Melebihi 15	6 - 10
5.	Informan 5	Sarjana	Syariah Islamiyyah – Al-Azhar Science (Ma) - UUM	Melebihi 15	11 -15
6.	Informan 6	Sarjana Muda	Pentadbiran Pendidikan - OUM	Melebihi 15	Melebihi 15

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Beberapa strategi peningkatan pengajaran dan pembelajaran dilakukan oleh Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Kedah dan Kelantan dalam mengekalkan identiti kurikulum utama iaitu, pengintegrasian teknologi dalam PdP, penambahbaikan kandungan kurikulum SAR dan peningkatan pedagogi dan pembangunan profesional guru.

Pengintegrasian Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Penggunaan bahan pengajaran menjadi salah satu kaedah untuk memberi tunjuk ajar dan kefahaman kepada pelajar (Ahmad & Fathiyah, 2020), selain berperanan untuk menarik minat dan tumpuan pelajar dalam proses pembelajaran. Pengajaran di SAR menggunakan rujukan dari kitab-kitab besar seperti *Minhajul Abidin*, *Furu'al-Masail* dan sebagainya yang dikenali sebagai Kitab Kuning (Solahuddin, 2014) sebagai bahan pengajaran dalam sistem '*talaqqi*'. Namun, penggunaan bahan pengajaran ini mengalami transformasi sejajar dengan perkembangan teknologi yang menjadikan SAR di Kedah dan Kelantan turut mengintegrasikan teknologi dalam PdP. Pengintegrasian teknologi ini dilaksanakan dengan menjadikan kitab-kitab tradisional sebagai rujukan utama dalam pengajaran, manakala kaedah pembelajaran dijalankan secara digital berasaskan teknologi komputer dan platform media sosial terkini seperti *TikTok* dan *Instagram*. Strategi ini dapat memberi pengetahuan semasa kepada pelajar, di samping para guru dapat mengaitkan isi pengajaran dengan situasi sebenar melalui penggunaan teknologi. Pendekatan ini menjadikan pengajaran dan pembelajaran di SAR lebih interaktif (Abdul Munir, 2018) dengan memodenkan pengajian agama namun masih mengekalkan identiti kurikulum utamanya.

“Kitab adalah PnP, bahan bantu mengajar. Isi tak berubah. Cara berbeza. Dulu guna kitab. Sekarang pondok pun digital, mengikut zaman, mengekalkan thurat mengikut zaman. Kalau nak kekalkan kitab warna kuning seperti tidak relevan. Kitab sebagai rujukan.” (Informan 1)

“Kita pun guna tiktok. Saya belajar banyak perkara melalui tiktok. Saya tengok selama ni banyak SAR dah ada tiktok. Ini antara strategi pemasaran untuk lebih memahami SAR yang mana sebelum ni kita tak Nampak. Kita akan cuba berada sama dengan orang dalam media sosial. Ustaz-ustaz kitab oleh buat kuliah melalui social media” (Informan 2)



Elemen teknologi ini tidak terbatas kepada bentuk perisian sahaja, malahan berfungsi sebagai medium menghasilkan bahan-bahan media lain secara kreatif dan inovatif hasil gabungan paparan grafik, warna dan visual dalam proses PdP (Abdul Munir, 2018). SAR di Kedah dan Kelantan juga berusaha mengadaptasi penggunaan teknologi dalam penyediaan bahan PdP seperti buku teks, nota latihan dan sistem peperiksaan bagi memastikan PdP menjadi lebih menarik dan tidak membosankan. Menurut Siti Khadizah (2021), suasana pembelajaran yang kondusif dapat merangsang psikologi para guru membimbing dan mengenal pasti keupayaan pelajar sekaligus memberi kesan positif kepada prestasi pelajar. Strategi pengintegrasian teknologi bukan sahaja mewujudkan suasana PdP yang ceria malahan menggalakkan pelajar memahami ilmu dengan lebih yang sempurna. Secara tidak langsung, strategi ini juga telah memberi nilai tambah kepada pelajar dalam mendepani arus pendidikan maya yang berteraskan teknologi supaya tidak ketinggalan dalam arus pendidikan negara.

“Digital ni kita terapkan dalam semua urusan. Kita hantar nota by whatsapp. Buat kelas online. E-learning inilah usaha pelan-pelan dibuat oleh sekolah agama. Tapi bersangkut dengan kemampuan cikgu sendiri.” (Informan 2)

“...buku agama kan dia boring. Ni sekolah rendah ni, ustaz. Minta maaf. Dia boring, tak ada colour, tak ada apa kan. Itu sebab saya memang ambil Musleh tu saya tak ambil kurikulum dia, saya ambil buku teks dia saja. Buku teks dia warna-warni, kartun banyak, budak-budak menarik, ustaz. Macam tu. Maksudnya budak kan. Ni psikologi budak-budaklah” (Informan 6)

Selain itu, kaedah pengajaran tradisional turut bertransformasi sejajar dengan perkembangan teknologi. Hal ini kerana elemen teknologi sudah menjadi satu keperluan untuk memperolehi ilmu, informasi dan maklumat dengan lebih cepat dan pantas (Mohd Mokhtarishah & Hasnadi, 2024). Guru perlu menguasai dan mempelbagaikan gaya serta kemahiran pengajaran yang bersesuaian untuk diterapkan dalam pelbagai bidang mengikut perkembangan semasa dan terkini (Muhammad Zulazizi, 2021; Nur Adibah & Hafizah, 2021). Oleh yang demikian, guru-guru SAR di Kedah dan Kelantan turut mengintegrasikan kemahiran teknologi di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran seperti Feqah, Tauhid, Tasawuf, Tafsir, Hadis dan Bahasa Arab seiring dengan perkembangan semasa. Transformasi pengajaran berbentuk digital melalui platform media sosial dijadikan sebagai wadah penyampaian ilmu yang lebih santai tanpa mengubah isi kandungan pembelajaran. Malahan, pendekatan ini menjadikan PdP lebih menarik dan berkesan. Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran di SAR di Kedah dan Kelantan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa alat-alat teknologi dan multimedia berpotensi mewujudkan PdP yang lebih ceria, dapat membina rangkaian pembelajaran yang lebih luas (Muhammad Zulazizi, 2021), dan memberikan kesan positif dalam prestasi kecemerlangan pelajar di SAR (Muhd Zulhilmi Haron et al., 2020).

“Isi tak berubah. Cara berbeza. Dulu guna kitab. Sekarang pondok pon digital, mengikut zaman, mengekalkan thurat mengikut zaman. Kalau nak kekalkan kitab kaler kuning seperti tidak relevan. Kitab sebagai rujukan.” (Informan 1)

“Sebenarnya kurikulum yang lama semuanya masih ada sampai hari ini Cuma gaya/cara persembahan sahaja berbeza. Kurikulum masih sama. Naik turun ikut kemampuan guru yang mengajar. Kurikulum yang dahulu pon masih relevan cuma gaya persembahan sahaja berbeza. Quran pon sama juga digunakan.” (Informan 2)

Justeru, strategi pengintegrasian teknologi dalam PdP memainkan peranan penting bagi memperkukuhkan metodologi pendidikan sedia ada supaya lebih mantap dan berkesan sama ada kepada pelajar mahupun tenaga pengajar di SAR.



Penambahbaikan Kandungan Kurikulum Sekolah Agama Rakyat (SAR)

SAR di Kedah dan Kelantan juga melakukan pembaharuan dalam kandungan kurikulum bagi bersaing dengan sekolah arus perdana. Pembaharuan kurikulum ini susulan daripada pendekatan yang dilakukan oleh Bahagian Pendidikan Islam di Kementerian Pelajaran Malaysia yang mengubah kurikulum sekolah agama dengan memasukkan subjek akademik selain subjek-subjek asas agama (Siti Fathihah, 2024). Kurikulum di SAR adalah berteraskan kepada Kurikulum Azhari yang menjadi identiti utama bagi sekolah agama sejak zaman-berzaman (Azizi & Supyan, 2015). Kurikulum Azhari masih dikekalkan di SAR cuma ditambahbaik dengan menerima Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang mengandungi lima bidang utama iaitu Usuludin, Syariah, Kesusasteraan Arab, pengajian bahasa dan pengajian Islam dengan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar (Kamarulzaman, 2020).

“Agama kita ni berdasarkan kepada bahasa Arab, bahasa Arab itu adalah bahasa orang Islam, kurikulum utama tu juga dia cukup-cukup menekankan bahasa Arab. Cuma dia berlaku perubahanlah mengikut zaman dan masa. Dulu kita guna buku majlis agama Islam Kelantan kalua masih ingat, MAIK. Sekarang ni kita banyak menggunakan buku Azhariah lah daripada Maahad Buuth, Mesir dari sudut penekanan bahasa.” (Informan 4)

Pelaksanaan pengajaran KBD bukan sesuatu yang mudah kerana melibatkan kemampuan pelajar, keperluan guru dan peruntukan masa dalam mata pelajaran KBD. Dari aspek peruntukan masa dalam mata pelajaran KBD, SAR telah kekurangan tempoh masa mata pelajaran Dini disebabkan ketidakselarasan tentang pembahagian mata pelajaran kebangsaan dan Diniyah dalam proses PdP. Ketidakselarasan pelaksanaan kurikulum ini timbul di antara pihak sekolah dengan kerajaan negeri dan persekutuan, khususnya dari sudut mata pelajaran dan peruntukan masa tambahan minimum kerana masing-masing mempertahankan jumlah mata pelajaran dan tempoh masa pengajaran sama ada agama ataupun akademik. Implikasi pertembungan ini menyebabkan SAR di Kedah dan Kelantan telah mengorbankan jumlah jam tempoh pengajaran bagi mata pelajaran dalam kurikulum kebangsaan bagi memberikan ruang kepada mata pelajaran Dini (Azizi & Noor Hisham, 2016). Bagi menangani isu ini, langkah pengukuhan di antara pihak sekolah, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dalam amalan pelaksanaan dan penambahbaikan kurikulum dilaksanakan dengan menambah jumlah tempoh masa waktu tambahan minimum dan penambahan mata pelajaran Dini dalam kurikulum utama. Strategi penambahan waktu tambahan minimum dalam kurikulum SAR ini dapat membolehkan mata pelajaran Dini dilaksanakan dengan pemerksaan bahasa Arab dalam PdP. Pemerksaan bahasa Arab dalam PdP ini dapat meningkatkan kualiti komunikasi dan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar sekaligus berupaya mengembangkan potensi pelajar dalam PdP berdasarkan kurikulum utama.

“Dari sudut pertembungan...ni pertama sekali sudut masa. Masa. Kalau kita betul-betul mengikut KBD, dia kena balik pukul 3:30, pukul 4. Yang pertama dia nak boleh nampaklah sikitkan...yang pertama dia nak subjek dia tu jangan diganggu-gugat langsung oleh YIK. Dia nak conquer sepenuhnya, dia 100 peratus. Dia tak mahu madah-madah nahu, sorof, imlak khat. Suruh guna yang dia je. Dia kata kerana ada subjek inilah kerja dia mengganggu. Subjek dia tidak mencapai matlamat dia. Subjek dia nak yang dia saja. Jadi kita Alhamdulillah YIK masa tu keras, masih lagi nak kekalkan beberapa subjek untuk kitalah.” (Informan 4)

KBD di SAR juga beradaptasi dengan sistem pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) dalam PdP. PAK-21 menekankan penglibatan pelajar melalui pelbagai pendekatan untuk menilai tahap keupayaan pelajar melalui sistem peperiksaan dan komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) (Abdul Basit & Hafizhah, 2024). SAR turut mengubahsuai kurikulum dan mula



beradaptasi dengan penggabungan pendidikan agama dan akademik yang membolehkan pelajar juga menduduki peperiksaan awam. SAR di Kedah dan Kelantan mengadaptasikan PAK-21 yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pembelajaran aktif sama ada di dalam ataupun di luar bilik darjah (Firdaus Abdul Fatah et al., 2019) tanpa mengetepikan pengajaran secara bertalaqqi. Malahan sistem peperiksaan dijadikan kayu ukur untuk menilai kemampuan pelajar dalam menguasai ilmu. Penambahbaikan dan adaptasi kurikulum SAR yang berorientasikan peperiksaan ini adalah selari dengan kurikulum kebangsaan. Pendekatan ini turut menjadi strategi dan pilihan ibu bapa sebagai faktor utama pemilihan SAR terhadap pendidikan anak-anak (Faridah et al., 2023), selain dilihat sebagai kelebihan dari sudut keseimbangan ilmu agama berbanding sistem aliran perdana.

“...kita serapkan approach-approach yang ada dalam bidang akademik tu dalam bidang agama. Maksudnya seolah-olah bidang agama tu dari sudut al-Quran nya, dari sudut adab, akhlak, semua, kita banyak project-based, kita suruh dia buat macam betul-betul macam abad Pendidikan ke-21 lah. Banyak program. Contohnya kita banyak buat pertandingan antara kelas, pertandingan hafazan...maksudnya kita buat amali banyak. Banyak reward banyak macam tu lah. Sebelum ni kan approach tradisional kan...”

“Kita orang sentiasa up to date. Macam orang kata walaupun kita orang ni macam tok-lebai-tok lebai kan. Tapi kita orang sekarang ni Pendidikan abad ke-21 kita orang on. Kita orang apa ni exam pun UPSRI hari tu online. Lepas tu ada soalan KBAT. Sekarang ni ada presentation. So memang up to date lah” (Informan 6)

“Memang diakui kebanyakan parents yang hantar anak mereka, mereka nak tau anak depa nak jadi apa bila keluar SAR. Dengan peperiksaan, so parents konfiden bahawa anak-anak tak ketinggalan daripada arus perdana. Penekanan hanya dibuat pada tahun-tahun peperiksaan seperti form3, SPM. Mostly waris tiada masalah. Sebetulnya waris ni pun pelbagai. Dan selalunya kalau nak ada ilmu agama, mereka akan hantar SAR yang hanya ada agama sahaja.” (Informan 2)

Bagi memperkukuh dan menambahbaik kandungan kurikulum ini, pihak SAR di Kedah dan Kelantan juga menjalankan kerjasama dengan institusi pendidikan seperti pihak universiti dan kolej dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan kurikulum. Garis panduan sukatan kurikulum, aspek peruntukan waktu pengajaran Dini, panduan pelaksanaan pengajaran dan sebagainya (Aliff Nawi et al., 2023) turut diambil kira dalam penambahbaikan tersebut. Malahan, SAR turut berkolaborasi dengan institusi-institusi pendidikan Islam lain untuk pertukaran pengetahuan dan amalan terbaik dalam pengajaran agama. Pendekatan ini dapat membantu pihak SAR merangka strategi PdP yang berkesan mengikut perkembangan semasa bagi memastikan kandungan kurikulum di SAR sentiasa kekal relevan dalam anjakan pendidikan.

“Kita mewujudkan kerjasama dengan Institusi Aminuddin Baki (IAB) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim (IPG KSAH). Seterusnya kita menyemak dan meneliti mana-mana silibus pembelajaran yang sesuai pada hari ini, untuk diserapkan ke dalam kurikulum Maahad. Kita memperbanyakkan rangkaian institusi mengguna pakai kurikulum Maahad, setakat ini sudah 37 buah institusi yang menggunakan kurikulum Maahad.” (Informan 3)

“Kita menubuhkan satu NGO Namanya Persatuan Pengetua-Pengetua SMUA yang bergerak di bawah kuasa YIK. Persatuan ini menghimpunkan semua Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di Kelantan. Nak kekalkan kurikulum asal sekolah kena ada kuasa juga, jadi kami gunakan persatuan ni untuk menjalin hubungan yang baik dengan pihak YIK, MAIK ataupun KPM seterusnya mempertahankan kelangsungan kurikulum sekolah” (Informan 5)



Justeru, penambahbaikan kandungan kurikulum SAR memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak agar kelangsungan kurikulum ini terus kekal relevan mengikut perkembangan pendidikan semasa.

Peningkatan Pedagogi Dan Pembangunan Profesional Guru

Bagi meningkatkan PdP dan memperkukuhkan identiti kurikulum utama SAR, kualiti pengajaran guru perlu dipertingkatkan. Hal ini kerana kemampuan guru dalam melaksanakan PdP yang menarik dan bersesuaian dengan keadaan pelajar menjadi penentu kejayaan proses PdP (Firdaus Abdul Fatah et al., 2019). Lantaran itu, guru-guru SAR di Kedah dan Kelantan perlu bersedia dalam menghadapi pelaksanaan PAK-21, Kemahiran Aras Tinggi (KBAT) dan kemahiran e-pembelajaran serta teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam PdP (Abd Basit & Hafizhah, 2024), di samping menguasai bahasa Arab dan memiliki kompetensi yang baik berteraskan kurikulum SAR. Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan guru-guru Dini turut dititiberatkan bagi mewujudkan PdP yang lebih baik dan berkesan. Oleh yang demikian, guru pakar yang berpengalaman serta penyediaan latihan professional disediakan bagi memenuhi keperluan ini. Hal ini kerana penguasaan ilmu, kemahiran guru serta penyampaian yang menarik dalam bahasa Arab dapat membantu pelajar juga menguasai ilmu dan menjadi model kepada pelajar (Abd Basit & Hafizhah, 2024). Strategi ini dilihat mampu memberikan nilai tambah dan kebolehpasaran kepada pelajar-pelajar SAR untuk menguasai ilmu bahasa selain daripada penguasaan yang mendalam dalam ilmu-ilmu agama dan ilmu akademik.

“Pertamanya, kita ambil tenaga pengajar yang betul-betul mahir dan alim dalam bidang ilmu mereka. Contohnya, subjek bahasa Arab, pastikan dia ada kelulusan yang setaraf. Keduanya, pengajar ni kita berikan latihan mengajar sama ada di sekolah atau hadir mana-mana program luar untuk beri pendedahan pengajaran dia lah.” (Informan 5)

“Bila kita bebas untuk mencorak pelajar, jadi pelajar kita selalunya ada nilai tambah yang berbeza berbanding sekolah kerajaan. Contohnya; dari sudut kalau pelajar tu nak jadi ustaz, kita akan dapati pelajar lepasan SAR lebih menguasai ilmu bahasa dan ilmu agama berbanding SABK dan sekolah kerajaan sebab kita ada kuliah kita sendiri. Ini antara yang kita banggakan.” (Informan 2)

Di samping itu, pihak kerajaan negeri turut membantu dari segi peruntukan dalam membangunkan profesionalisme perguruan agar kualiti PdP terus berada pada tahap yang lebih baik. Antaranya Program Inisiatif Latihan dan Transformasi Asatizah (ILHAM) telah mendedahkan konsep penggunaan teknologi dalam pendidikan melalui aplikasi *i-Move* dan *MyBUDDY* kepada guru-guru SAR melalui latihan dan transformasi asatizah (Nordiana, 2025). Peranan guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, malahan turut menjadi penyumbang besar kepada kefahaman, pencapaian dan perubahan sahsiah seseorang pelajar. Oleh yang demikian, guru perlu mengupayakan diri dengan kemahiran dan kepakaran dalam PdP termasuklah penerapan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan yang sesuai dengan keperluan zaman.

“Kita melihat kerajaan negeri melalui exco agama bawah pendidikan. Sebagai SAR yang berdaftar, kebajikan kita dijaga oleh exco agama pendidikan so memudahkan kita atas nama HESA untuk memohon bantuan buat program, buat kem, kita lihat kerjasama yang baik jika kita sehaluan.” (Informan 2)

Oleh itu, strategi peningkatan PdP SAR di Kedah dan Kelantan perlu diambil perhatian bagi memastikan SAR terus berkembang seiring dengan anjakan pendidikan negara. Para guru dan pelajar juga perlu mempersiapkan diri dengan cabaran dan perubahan corak PdP dalam penguasaan ilmu secara berterusan.



KESIMPULAN

Strategi peningkatan PdP tersebut adalah pengintegrasian teknologi dalam PdP yang menjadikan PdP di SAR lebih interaktif dengan memodenkan pengajian agama. Strategi ini membuktikan bahawa penggunaan alat-alat teknologi dan multimedia dapat mewujudkan PdP yang lebih ceria dan memberikan kesan positif dalam prestasi kecemerlangan pelajar di SAR. Strategi penambahbaikan kandungan kurikulum SAR pula dilaksanakan dengan memperkasakan bahasa Arab dalam PdP dan memperuntukan waktu tambahan minimum dan penambahan mata pelajaran Dini. Selanjutnya, strategi peningkatan pedagogi dan pembangunan profesional guru dilaksanakan dengan memberikan latihan perguruan kepada para guru SAR untuk menguasai teknik pedagogi dan pengajaran moden dengan lebih berkesan.

Melalui strategi-strategi ini, SAR akan mampu mengekalkan kurikulum utama mereka yang mengintegrasikan nilai-nilai Islam dengan pengetahuan duniawi, seterusnya melahirkan generasi yang seimbang dari segi intelektual, spiritual, dan sahsiah. Pendekatan pengajaran yang inovatif, bersama-sama dengan nilai-nilai tradisional yang kukuh, akan memastikan SAR terus relevan dan berkesan dalam mendidik generasi akan datang.

Justeru, kajian ini menyarankan agar pihak berkepentingan memberikan sokongan kewangan yang lebih komprehensif kepada SAR untuk memastikan kelestarian dan keberkesanan pendidikan agama di Malaysia. Disarankan juga agar kerajaan Persekutuan dan negeri memperuntukkan dana atau bantuan kewangan untuk pembangunan PdP di SAR. Dana tersebut dapat digunakan untuk penambahbaikan infrastruktur sekolah, pemerkasaan profesionalisme guru, penyediaan alat bantu mengajar dan kemudahan akses teknologi pendidikan di SAR. Kajian ini memberikan sumbangan yang bermakna kepada KPM, MAIN dan pihak pengelolaan SAR. Kajian berterusan perlu dijalankan untuk menganalisa strategi PdP yang diaplikasikan di SAR bagi memastikan keberkesanan PdP tersebut dalam mengekalkan identiti kurikulum utama.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada *UTAR Research Fund IPSR/RMC/UTARRF/2023-C1/M02* untuk projek bertajuk “Cabaran Gerakan Sosial Pendidikan Dalam Mengekalkan Identiti Kurikulum Utama” daripada Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang menyumbang kepada penerbitan penulisan artikel ini

RUJUKAN

- Abd Basit Abd Rahim & Hafizhah Zulkifli. (2024). Pengetahuan dan kesediaan guru dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(4), 216-225. <https://portal.issn.org/resource/ISSN/2682-8138>
- Abdul Munir Ismail. (2018). Strategi Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Jurnal Perspektif*, 10(2), 11-21.
- Ahmad, R. & Zainal, N. (2024) Integrating digital pedagogy in Islamic education: Challenges and opportunities form community-based schools in Malaysia. *Journal of Islamic and Social Education*, 12(2), 45-60.



- Aliff Nawawi, Noraini Abu Samah, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof, Mohamad Khairi Othman, Mardzelah Makhsin & Fatin Athirah Zameran. (2023). Isu dan Masalah Dalam Pengurusan dan Pelaksanaan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(4), 41-55.
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/48473>
- Al-Zaidiyeen, N. J., Mei, L. L., & Fook, F. S. (2010). Teachers' attitudes and levels of technology use in classrooms: The case of Jordan schools. *International Education Studies*, 3(2), 211–218. <https://doi.org/10.5539/ies.v3n2p211>
- Azizi Umar & Supyan Hussin. (2015). Peranan Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan sistem Madrasah di Malaysia: Kajian ke atas pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 4 (1), 21-30. <https://doi.org/10.17576/malim-2016-1701-04>
- Azizi Umar & Noor Hisham Md Nawawi. (2016). Kekangan peruntukan waktu mata pelajaran Kurikulum Diniyah di Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Kelantan dalam memenuhi Kurikulum Kebangsaan. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 17, 53-67. <https://doi.org/10.17576/malim-2016-1701-04>
- Faridah Salleh, Aisah Mat Dan, Rabi'atul Aribah Muhammad Isa, Syed Lamsah Syed Chear & Latipah Mohd Noor. 2023. Aspirasi Masyarakat Terhadap Sekolah Agama dan Sekolah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Sains Insani*, 8(2), 275-285. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no2.558>
- Firdaus Abdul Fatah, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubis. (2019). Pengetahuan Pedagogi Mata Pelajaran Syariah Kurikulum Bersepadu Dini Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(29), 1-11.
- Friday, N & Leah, N. (2024). Types of purposive sampling techniques with their examples and application in qualitative research studies. *British Journal of Multidisciplinary and Advanced Studies: English Language, Teaching, Literature, Linguistics & Communication*, 5(1), 90-99. <https://doi.org/10.37745/bjmas.2022.0419>
- Fullan, M. (2016). The new meaning of educational change (5th ed.). Teachers College Press. <https://www.tcpress.com/the-new-meaning-of-educational-change-9780807756805>
- Isa, A. M., Mydin, A. A., & Abdullah, A. G. K. (2021). Road to school transformation 2025: A systematic literature review on teacher autonomy in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 34-45. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v10-i3/10710>
- Ismail, M. R., & Arifin, M. (2020). Peranan Sekolah Agama Rakyat dalam pembangunan pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 28(2), 45-56.
- Ismail, R. (2020). Kecemerlangan Pelajar di Sekolah Agama Rakyat: Satu Tinjauan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(3), 67-80.
- Ismail, S., & Abdullah, M. (2022). Community support and sustainability of Sekolah Agama Rakyat in Malaysia. *Journal of Educational Policy and Practice*, 14(4), 210-225.
- Kamarulzaman A, G. (2020). Pengajaran Mata Pelajaran Agama Berasaskan Bahasa Arab Dalam Kurikulum Bersepadu Dini. *Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan Dini dan Tahfiz 2020*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Malaysia 2024-2030. Blueprint. <https://www.moe.gov.my>
- Mohamad, S. (2021). Cabaran pengurusan sekolah agama rakyat dalam arus pendidikan semasa. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*, 9(1), 22–34.
- Mohd Mokhtarishah & Hasmadi Hassan. (2024). Kesiapan dan Pengetahuan Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Teknologi Mudah Alih di Kalangan Guru SAR KAFA dalam Meningkatkan Kualiti Guru. *Jurnal Al-Sirat*, 24(1), 131-140.



- Mohd Nor, M. (2020). *Sekolah Agama Rakyat: Peranan dan Cabaran dalam Pendidikan Islam di Malaysia*. *Journal of Islamic Education*, 9(1), 45-58.
- Mohd Zain, S. (2018). Sekolah Agama Rakyat: Sejarah dan Perkembangannya di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 23-36.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi. (2021). Senario penstrukturan Pengajian Islam di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Science*, 6(1), 57-66.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi & Azmil Hashim. (2021). Tahap kesediaan guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Yayasan Islam Kelantan terhadap multimedia dalam pengajaran. *Sains Humanika*, 13(1), 1-10. <https://doi.org/10.11113/sh.v13n1.1678>
- Muhammad Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zalli, Siti Noor Aneis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani & Ismail Salleh. (2020). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *Al-Hikmah*, 12(2), 1-17.
- Nordiana Shafiee. (2025). KOMPAS anjurkan ILHAM bagi tingkat kompetensi guru SAR Kedah. UUMTODAY. <https://uumtoday.com/education/kompas-anjurkan-ilham-bagi-tingkat-kompetensi-guru-sar-kedah/>
- Nor Azlili Hassan, Mohd Syuja Saedin, Norazilah Buhari, Nik Norazira Abdul Aziz & Azizi Umar. (2025). Matlamat Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Kelantan dan Kedah dalam mengekalkan identity kurikulum utama. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 50(1), 68-77. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2025-50.01-06>
- Nur Adibah Liyana, A. & Hafizhah, Z. (2021). Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islamic and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 40-54.
- Ornstein, A. C., & Hunkins, F. P. (2018). *Curriculum: Foundations, principles, and issues* (7th ed.). Pearson Education.
- Rahim, N., & Omar, Z. (2022). Balancing tradition and modernity: Teaching and learning strategies in Malaysian religious schools. *Asian Journal of Contemporary Education*, 10(1), 33-48.
- Rahman, A., & Ismail, H. (2019). Kurikulum SAR dan pendidikan nasional: Satu analisis terhadap isu penyelarasan. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 7(3), 14-27.
- Salleh, M. I., & Hamzah, A. (2023). Teacher professional development in religious schools: A case study of Kedah and Kelantan. *Malaysian Journal of Education Studies*, 58(1), 77-92.
- Siraj, S., Alias, N., & Dewitt, D. (2013). *Design and development research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia.
- Siti Fathihah Abd Latif. (2024). Penerusan Pendidikan agama melalui sekolah naungan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK, 1942-1976. *Journal of History and Archaeology*, 1(1), 71-85.
- Siti Khadizah Kaimin. (2021). Masalah dan Cabaran Guru Tahfiz Dalam Pelaksanaan Pengajaran Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah di Kementerian Pelajaran Malaysia. *Proceeding of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT2021)*. 380-392.
- Slavin, R. E. (2018). *Educational psychology: Theory and practice*. (12th ed.). Pearson Education.
- Yuen, A. H. K., Law, N., & Wong, K. C. (2003). TMK implementation and school leadership: Case studies of TMK integration in teaching and learning. *Journal of Educational Administration*, 41(2), 158-170. <https://doi.org/10.1108/09578230310464666>
- Yusof, H., & Rahman, F. (2023) Curriculum identity and pedagogical innovation in Sekolah Agama Rakyat. *International Journal of Islamic Pedagogy*, 5(3), 101-118



Yusoff, M. R. (2016). Kurikulum pendidikan Islam tradisional: Analisis pelaksanaan di sekolah pondok dan SAR. *Jurnal Tamadun Islam*, 21(1), 67–80.

Zainal Abidin, A. (2019). *Perkembangan Sistem Pendidikan di Malaysia: Satu Tinjauan*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 1-15.

BIOGRAFI

Norazilah Buhari merupakan pensyarah di Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Bahasa Malaysia) dan Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Sains Malaysia. Fokus pengajaran beliau adalah kursus-kursus wajib universiti seperti TITAS dan Falsafah dan Isu Semasa. Bidang penyelidikan utama beliau adalah bidang sosiolinguitik, sosiobudaya dan pendidikan. Beliau terlibat dalam penyelidikan yang menerima geran UTAR. Beliau aktif dalam penulisan serta penerbitan artikel di dalam bidang sains sosial di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Nor Azlil Hassan merupakan Penolong Profesor di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Memperolehi Ijazah Ph.D dalam Sosiologi Budaya dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau terlibat dalam penulisan dan latihan dalam penulisan dan latihan bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Bidang penyelidikan utama adalah dalam Kajian Gender, Media dan Komunikasi, Kajian Etnik dan Kesusasteraan. Beliau merupakan ahli Persatuan Sains Sosial Malaysia.

Nik Norazira Abdul Aziz merupakan pensyarah di Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Beliau memperoleh MSc (IT) dari Universiti Teknologi MARA (2007) dan B. CompSc (Hons) dari Universiti Malaya (1998). Bidang pengkhususan beliau merangkumi *Human Computer Interaction* termasuk *User Experience (UX)* dan *Interface Design*. Beliau terlibat dalam penyelidikan yang menerima geran UTAR. Di samping itu juga beliau aktif dalam penulisan serta penerbitan artikel di dalam bidang sains sosial di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Mohd Syuja Saedin merupakan seorang pensyarah di Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Beliau memperoleh PhD dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2022), MA dari Universiti Malaya (2006) dan BA (Hons) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1998). Bidang kepakaran beliau merangkumi Sejarah dan Tamadun Islam, Pengajian Islam dan Pendemokrasian Pendidikan. Beliau juga aktif dalam penyelidikan di mana pernah mengetuai dalam geran penyelidikan universiti. Beliau aktif dalam penulisan akademik dengan penghasilan artikel jurnal. Fokus penyelidikan terkini beliau tertumpu kepada isu-isu pendemokrasian pendidikan di sekolah agama dan sekolah Cina di Malaysia.